



# SARAWAK MALAYSIA MY SECOND HOME (S-MM2H)

## Program

V.1\_1<sup>st</sup> September 2022 [mtcp.sarawak.gov.my](http://mtcp.sarawak.gov.my)

APPLICATION GUIDE

S-MM2H



Ministry of Tourism, Creative Industry  
and Performing Arts Sarawak

# ISI KANDUNGAN



## Pengenalan

## MUKA SURAT

01	Tentang Sarawak	3
02	Pengenalan	4
03	Kenapa Memilih S-MM2H?	5
04	Kelayakan Memohon Program S-MM2H	6

## Permohonan S-MM2H

05	Garis Panduan	7
06	Senarai Dokumen Bagi Permohonan Baru S-MM2H	8 - 12
07	Maklumat Mengenai Personal / Security Bond	13
08	Terma & Syarat bagi Permohonan yang Berjaya	14 - 15

## Lain-lain

09	Pengeluaran Akaun Simpanan Tetap	16
10	Permohonan Penamatan Program S-MM2H	17
11	Senarai Pusat Perubatan Swasta dan Poliklinik	18 -20
12	Hubungi Kami	21

---

# TENTANG SARAWAK

SARAWAK merupakan negeri yang terbesar di Malaysia. Ia terletak di Pulau Borneo, yang meliputi kawasan seluas 124,449.5 kilometer persegi dengan jumlah penduduk sekitar 2.74 juta.

Sarawak terdiri daripada 12 bahagian iaitu Kapit, Miri, Bintulu, Sibul, Limbang, Mukah, Sri Aman, Kuching, Sarikei, Betong, Samarahan dan Serian. Kuching merupakan ibu negeri Sarawak.



---

# SELAMAT DATANG KE SARAWAK!

Kami ingin mengucapkan selamat datang kepada semua yang berminat untuk menetap di Sarawak.

Sarawak-Malaysia My Second Home merupakan program yang membenarkan warga asing untuk menetap di Sarawak, dengan syarat mereka harus memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Mari kenali lebih lanjut mengenai program S-MM2H.



# KENAPA MEMILIH PROGRAM S-MM2H?

Program disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri	Kepelbagaian budaya & etnik
Kualiti taraf kehidupan yang tinggi	Kepelbagaian bahasa
Kos sara hidup rendah	Kemudahan pelancongan berkualiti tinggi
Kestabilan politik	Suasana harmoni
Selamat & terkawal	Sistem pendidikan piawaian antarabangsa
Infrastruktur & kemudahan yang bagus	Kejiranan yang mesra
Persekitaran yang selesa	Kemudahan perubatan yang canggih
Kebebasan beragama	

# KELAYAKAN UNTUK MEMOHON PROGRAM S-MM2H

**1** **Terbuka kepada semua warganegara \*(kecuali Israel)**  
*Tertakluk kepada senarai terkini oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN)*

**2** **Kategori:**  
*Kelayakan mengikut kategori umur*

KATEGORI UMUR	SYARAT KELAYAKAN
50 tahun	Layak memohon program S-MM2H
40-49 tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>Pemohon harus memiliki rumah kediaman di Sarawak dengan nilai harga sekurang-kurangnya RM600,000.00; <b>ATAU</b></li><li>Pemohon mempunyai anak (di bawah 21 tahun) yang melanjutkan pelajaran di Sarawak (bagi yang telah mempunyai pas pelajar sahaja); <b>ATAU</b></li><li>Menjalani rawatan perubatan jangka panjang di Sarawak dan disahkan oleh Pakar Perubatan Swasta/Kerajaan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia</li></ul>
30-39 tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>Pemohon mempunyai anak (di bawah 21 tahun) yang melanjutkan pelajaran di Sarawak (bagi yang telah mempunyai pas pelajar sahaja); <b>ATAU</b></li><li>Menjalani rawatan perubatan jangka panjang di Sarawak dan disahkan oleh Pakar Perubatan Swasta/Kerajaan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia</li></ul>

*\*Tertakluk kepada undang-undang Malaysia serta peraturan oleh badan kerajaan yang berkaitan dengan program S-MM2H*

# GARIS PANDUAN

- Pemohon harus mengemukakan dokumen yang diperlukan kepada Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP)
- Permohonan harus melalui:**
  1. Penaja yang berasal dan sedang menetap di Sarawak;  
**ATAU**
  2. Ejen S-MM2H yang berlesen dan berdaftar di Sarawak
- Pemohon harus memiliki kemampuan kewangan untuk menyara hidup sepanjang tempoh menyertai program ini
- Pemohon harus mendapatkan surat sokongan pembukaan akaun Simpanan Tetap (FD) dari MTCP dengan mengemukakan dokumen seperti berikut:
  1. *Salinan muka surat maklumat pemohon di dalam pasport*
  2. *Salinan muka surat "entry stamp" di Sarawak dalam pasport*
  3. *Bank pilihan serta alamat penuh bank*
- Pemohon dikehendaki mengemukakan bukti kewangan seperti:

<b>1. AKAUN SIMPANAN TETAP (FD)</b>		
<b>Individu</b> RM150,000.00	<b>Berpasangan</b> RM300,000.00	
<b>2. DANA PERSARAAN / PENDAPATAN LUAR MALAYSIA (OFFSHORE)</b>		
Minimum jumlah kewangan diterima bulanan adalah RM7,000.00 untuk individu manakala RM10,000.00 untuk berpasangan / berkeluarga		
<b>Dana Persaraan</b> Pemohon yang sudah bersara / berumur 50 tahun ke atas	<b>ATAU</b>	<b>Pendapatan Luar Malaysia (Offshore)</b> Untuk pemohon yang masih bekerja / berumur di bawah 50 tahun

# SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN BARU S-MM2H

Semua permohonan baru harus dikemukakan bersama dokumen yang lengkap seperti berikut:

## A. PEMOHON UTAMA

- Resume Pemohon Utama
- Borang Permohonan S-MM2H
- Borang Permohonan Pas Lawatan (IM.12 - Pin. 1/97)
- Borang Permohonan Visa (IM.38 - Pin 1/93)  
*Bagi Negara yang memerlukan Visa sahaja*
- *Letter of Good Conduct (LoGC)* dari Negara asal  
*Sekiranya LoGC asal bukan dalam Bahasa Inggeris, terjemahan mesti dilakukan oleh penterjemah yang bertauliah*
- Salinan Pasport yang Disahkan (Dari muka depan sehingga muka surat belakang)  
*Salinan pasport lama diperlukan sekiranya pasport pemohon telah diperbaharui dalam masa kurang daripada satu tahun*
- Gambar bersaiz pasport (6 salinan)  
*Latar belakang berwarna biru*





## B. MELALUI PENAJA ATAU EJEN S-MM2H

MELALUI PENAJA	MELALUI EJEN
Surat akuan penaja	Surat daripada syarikat untuk penghantaran dokumen
Borang Personal Bond (RM10 duti setem dan setem harus dimatikan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN))	Salinan lesen syarikat S-MM2H yang telah disahkan
Borang BK (Butiran Mengenai Penaja Tempatan Pemohon)	Borang <i>Security Bond</i> (RM10 duti setem dan setem harus dimatikan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN))
Salinan kad pengenalan penaja yang telah disahkan	Surat akuan syarikat S-MM2H sebagai penaja
	Salinan Butiran Pemegang Saham Syarikat yang diperakui (Borang Seksyen 51)
	Salinan kad pengenalan ejen yang telah disahkan
	Pengesahan ejen yang menghantar dokumen bekerja di bawah syarikat S-MM2H

*Sekiranya permohonan secara berpasangan, penaja harus mengisi borang Personal / Security Bond untuk pemohon utama serta pasangan.*

---

## **C. BUKTI KEWANGAN**

- **Salinan Penyata Akaun Simpanan Tetap dari mana-mana bank tempatan di Sarawak**
  - RM150,000.00 (untuk individu)
  - RM300,000.00 (untuk berpasangan)
- **Salinan surat bersara dan penyata dana persaraan untuk 3 bulan terkini (bagi pemohon yang sudah pencen / berumur 50 tahun ke atas)**
  - RM7,000.00 (untuk individu)
  - RM10,000.00 (untuk berpasangan)
- **Salinan pengesahan bekerja, penyata gaji 6 bulan terkini dan penyata bank sebagai bukti pendapatan luar Malaysia (offshore) (untuk pemohon yang masih bekerja / berumur di bawah 50 tahun)**
  - RM7,000.00 (untuk individu)
  - RM10,000.00 (untuk berpasangan)

---

## **D. DOKUMEN SOKONGAN**

- Borang RB II & Laporan Kesihatan
- Salinan sijil perkahwinan sekiranya permohonan bersama pasangan
- Salinan sijil lahir anak / anak angkat / anak tiri (jika ikut serta)
- Salinan Perjanjian Jual Beli (S&P) dan Occupational Permit (OP) yang telah disahkan sebagai bukti pembelian rumah kediaman di Sarawak
- Penyata polisi insuran perubatan yang telah dibeli daripada syarikat insuran di Sarawak
- Dokumen yang diperlukan bagi permohonan kategori 30 - 49 tahun yang mempunyai anak yang melanjutkan pelajaran di Sarawak:
  - Salinan pas pelajar anak yang telah disahkan
  - Salinan surat kelulusan daripada Pengetua sekolah / Suratakuan daripada penaja
  - Borang Data Peribadi Pelajar yang lengkap daripada Pejabat Imigresen
  - Salinan passport anak yang telah disahkan (muka depan sehingga muka surat belakang)
  - Gambar bersaiz passport (6 salinan) - latar belakang warna biru
  - Surat setuju terima daripada Institut Pendidikan Tinggi Awam / Swasta / Sekolah Menengah / Prasekolah / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa
  - Surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (kecuali untuk Sekolah Antarabangsa)

---

## NOTA PENTING

- Setiap salinan hendaklah disahkan oleh Kedutaan / Suruhanjaya Tinggi / Peguam / Notari Awam / Pesuruhjaya Sumpah / Pegawai Kerajaan (Jabatan Imigresen)
  
- Sekiranya dokumen asal bukan dalam Bahasa Inggeris, terjemahan mesti dilakukan oleh penterjemah yang bertauliah. Pensijilan / lesen penterjemah hendaklah dikemukakan bersama permohonan.
  
- Pemeriksaan perubatan boleh dijalankan di mana-mana hospital atau pusat perubatan berdaftar di Sarawak. Setiap helaian kertas Borang RB II dan Laporan Perubatan hendaklah disahkan oleh institusi tersebut dan diperakui oleh doktor daripada Klinik Kerajaan di Sarawak.

# PERSONAL / SECURITY BOND

Penaja / Ejen S-MM2H dikehendaki untuk mengisi dan menandatangani Borang *Personal / Security Bond* sebagai penaja (penjamin) bagi pemohon utama (dan pasangan) S-MM2H.

Untuk maklumat lanjut mengenai kadar semasa Personal / Security Bond, sila rujuk di laman web berikut:

<https://www.imi.gov.my/index.php/perkhidmatan-utama/visa/kadar-bayaran-security-bond/>

## RM2,000

- Canada
- United States of America
- Colombia
- Angola
- Burkina Faso
- Burundi
- Cameroon
- Central African Republic
- Republic of the Congo (Congo-Brazzaville)
- Democratic Republic of Congo
- Cote D'Ivoire
- Djibouti
- Equatorial Guinea
- Eritrea
- Ethiopia
- Guinea-Bissau
- Ghana
- Liberia
- Mali
- Mozambique
- Niger
- Nigeria
- Rwanda
- Western Sahara

## RM1,000

- Japan
- South Korea
- Macau
- Hong Kong

## RM1,500

- Saudi Arabia
- Africa
- Australia
- British C.I.
- Brunei Darussalam
- China
- Europe
- Iran
- Iraq
- Portugal C.I.
- Taiwan
- Tunisia
- Vietnam

## RM750

- Myanmar
- Nepal
- Bangladesh
- Philippines
- India
- Pakistan
- Sri Lanka

## RM500

Indonesia

## RM300

Thailand

## RM200

Singapore

## RM1,500

Any other countries not listed

---

# TERMA DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN BERJAYA

Permohonan yang berjaya akan diberikan sepuluh (10) tahun pas pelawat dengan Visa Beberapa Kali Masuk (MEV)

Pembaharuan pas (bagi tujuan lanjutan) MESTI dilakukan pada tempoh kedua (6 - 10 tahun) dengan mengemukakan dokumen berikut kepada Jabatan Imigresen Malaysia, Sarawak (JIMS):

1. *Surat tujuan pembaharuan daripada pemohon utama*
2. *Pasport asal dan Salinan Pasport*
3. *Borang IMM.55 (1 salinan)*
4. *Borang IM. 38 (1 salinan - bagi Negara yang memerlukan Visa sahaja)*
5. *Salinan terkini penyata Akaun Simpanan Tetap (FD) yang telah disahkan*
6. *Salinan Surat Kelulusan Bersyarat (Conditional Approval)*
7. *Laporan Perubatan dan Borang RB II terkini daripada pemohon utama dan tanggungan (sekiranya ada)*

Pemohon yang ingin meneruskan program untuk 10 tahun yang kedua hendaklah mengemukakan permohonan mereka kepada Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) sebagai permohonan baru

Permohonan baru harus dikemukakan satu (1) tahun sebelum tarikh luput pas Visa Beberapa Kali Masuk (MEV)

Peserta yang telah diluluskan dikehendaki untuk menetap selama 30 hari setiap tahun di Sarawak sepanjang mengikuti program S-MM2H sebagai salah satu syarat untuk pertimbangan lanjut pembaharuan pas S-MM2H)

# TERMA DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN BERJAYA

Peserta S-MM2H dibenarkan bekerja / terlibat dalam pelaburan / perniagaan sepanjang tempoh menyertai program S-MM2H

Hal ini tertakluk kepada terma dan syarat bahawa pekerjaan hanya dalam bidang professional atau pelaburan yang telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sarawak

Peserta S-MM2H dilarang daripada melibatkan diri / menyertai aktiviti-aktiviti yang sensitif dan bersifat provokatif yang boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan negara

Baki minimum dalam Akaun Simpanan Tetap (FD) harus dikekalkan sebanyak RM90,000 (bagi individu) dan RM180,000 (bagi berpasangan)

Peserta S-MM2H dibenarkan untuk membeli rumah kediaman di Sarawak seperti maklumat berikut:

Harga Minimum / Unit	Bahagian
RM600,000.00	Kuching
RM500,000.00	Lain-lain

Pembelian rumah akan dikecualikan daripada kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)

Pemohon dibenarkan untuk membawa anak yang berumur 7 sehingga 21 tahun yang belum berkahwin sebagai tanggungan di bawah program S-MM2H

Bagi yang berhasrat untuk mendaftar anak-anak bersekolah di Sarawak, mereka dikehendaki untuk memohon Pas Pelajar daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

# PENGELUARAN AKAUN SIMPANAN TETAP (FD)

Peserta S-MM2H boleh membuat sebahagian pengeluaran daripada akaun Simpanan Tetap (FD) (maksimum 40% daripada jumlah yang telah didepositkan) selepas setahun, berdasarkan sebab-sebab berikut:



Pembelian rumah di Sarawak



Pembelian kereta di Sarawak



Perbelanjaan perubatan di Sarawak



Pendidikan anak di Sarawak

***Pengeluaran daripada Akaun Simpanan Tetap (FD) untuk sebab-sebab di atas adalah berdasarkan tuntutan bayaran balik.***

## Cara-cara Membuat Pengeluaran FD

Sila serahkan dokumen berikut kepada Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) untuk surat sokongan pengeluaran akaun Simpanan Tetap (FD) kepada Bank:

1. Surat permohonan daripada peserta untuk pengeluaran
2. Salinan surat Kelulusan Bersyarat S-MM2H
3. Salinan pasport (Butiran Peribadi & Visa Beberapa Kali Masuk (MEV))
4. Salinan terkini penyata akaun Simpanan Tetap (FD), alamat bank dan nombor akaun
5. Salinan bukti pembayaran / dokumen sokongan yang lain



---

# PERMOHONAN PENAMATAN PROGRAM S-MM2H

**Peserta yang ingin menamatkan penyertaan program S-MM2H hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada JIMS bagi tujuan penamatan pas.**

- Surat tujuan penamatan pas
- Pasport Pemohon Utama dan pasangan (sekiranya ada) dan salinan
- Tiket penerbangan balik (satu hala) dan salinan

**Kemudian, peserta perlu mengemukakan dokumen berikut kepada Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) untuk mendapatkan surat sokongan bagi pengeluaran duit dari akaun Simpanan Tetap (FD):**

- Surat tujuan pengeluaran simpanan tetap (FD)
- Surat Penamatan Program S-MM2H dari Jabatan Imigresen Malaysia, Sarawak
- Salinan Surat Kelulusan Bersyarat S-MM2H
- Salinan muka surat maklumat pemohon di dalam pasport
- Salinan Stiker S-MM2H yang telah ditamatkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Sarawak
- Salinan terkini penyata Akaun Simpanan Tetap (FD)

# PUSAT PERUBATAN SWASTA DI SARAWAK

## KUCHING

### Timberland Medical Centre (TMC)

Lot 5164 - 5165, Block 16 KCLD, 2 1/2 Mile, Rock Road, Taman Timberland, 93250 Kuching, Sarawak

Tel. No.: +6 082 234 466

### Borneo Medical Centre (BMC)

Lot 10992, Section 64, KTL D, Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching, Sarawak

Tel. No.: +6 082 507 333

### Normah Medical Specialist Centre (NMSC)

Lot 937, Section 30 KTL D, Jalan Tun Abdul Rahman, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak

Tel. No.: +6 082 440 055

### Kuching Specialist Hospital (KPJ)

Lot 10420, Block 11, Tabuan Stutong Commercial Centre, Jalan Setia Raja, 93350 Kuching, Sarawak

Tel. No.: +6 082 365 777

## SIBU

### Rajang Specialist Hospital

No. 29, Jalan Pedada, 96000 Sibu, Sarawak, Malaysia

Tel. No.: +6 084 323 333

### Sibu Specialist Medical Centre (KPJ)

No. 52A-G, Brooke Drive 96000 Sibu, Sarawak

Tel. No.: +6 084 329 900

# PUSAT PERUBATAN SWASTA DI SARAWAK

## MIRI

Columbia Asia Hospital Miri

Lot 1035-1039, Jalan Bulan Sabit, CDT 155, 98009 Miri, Sarawak  
Tel. No.: +6 085 437 755

Miri City Medical Centre

Lot 916-920 & 1203, Jalan Hokkien, CDT 100, 98000 Miri, Sarawak  
Tel. No.: +6 085 426 622

Borneo Medical Centre, Miri

Lot 1959, Block 10, MCLD, Jalan Cahaya Off Bintulu-Miri Road,  
98000 Miri, Sarawak  
Tel. No.: +6 085 329 333

Miri Specialist Centre (KPJ)

LNo. 2187, Ground Floor, Jalan Pujut 7, Lutong, 98000 Miri,  
Sarawak  
Tel. No.: +6 085 649 999

## BINTULU

Columbia Asia Hospital Bintulu

Lot 3582, Block 26, Jalan Tan Sri Ikhwan, Kemena Land District,  
Tanjung Kidurong, 97000 Bintulu, Sarawak  
Tel. No.: +6 086 251 888

Bintulu Medical Centre (KPJ)

Lot 6009, Block 31, Kemena Land District, 97000 Bintulu,  
Sarawak  
Tel. No.: +6 086 330 333

---

# KLINIK KERAJAAN (POLIKLINIK) DI SARAWAK

## POLIKLINIK

### KUCHING:

- Jalan Masjid Health Clinic, Jalan Masjid, Kuching. Tel: +6082-427110/ 415045/ 256091
- Klinik Kesihatan Batu Kawa, Pekan Batu Kawa, Kuching. Tel: +6082-685829
- Tanah Puteh Health Clinic, Jalan Kwong Lee Bank, Tanah Putih, 93450 Kuching. Tel: +6082-344011
- Petra Jaya Health Clinic, Petra Jaya, 93050 Kuching, Tel: +6082-228228

SIBU: Poliklinik Jalan Oya, KM2, Jln Oya, Pekan Sibu, 96000 Sibu, Sarawak. Tel: +6084-323355

MIRI: Poliklinik Miri, Poliklinik Kerajaan Miri, Jalan Merbau, 98000 Miri, Sarawak. Tel: +6085-412322

BINTULU: Bintulu Health Centre, Jalan Tun Ahmad Zaidi, 97000 Bintulu, Sarawak. Tel: +6086-858200



# CONTACT US

## **MINISTRY OF TOURISM, CREATIVE INDUSTRY AND PERFORMING ARTS SARAWAK**

Level 16 (Right Wing), Bangunan Baitulmakmur II  
Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak  
Tel. No.: +6082-442226

Website: [mtcp.sarawak.gov.my](http://mtcp.sarawak.gov.my)

S-MM2H Website: [smm2h.sarawaktourism.com](http://smm2h.sarawaktourism.com)

## **BAHAGIAN VISA, PAS DAN PERMIT IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA, SARAWAK**

Level 1 & 2, Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga  
93550 Kuching, Sarawak

Tel. No.: +6082-235254

Website: <http://www.imi.gov.my>

